

Nama :

Lengkapkan dialog di bawah dengan peribahasa yang sesuai. SP 4.1.1

- | | | |
|--|---------------------|--------------|
| • baik hati | • ada jalan | • bulat kata |
| • mengambil berat | • membanting tulang | |
| • berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul | | |
| • bagai aur dengan tebing | | |
| • berat sama dipikul, ringan sama dijinjing | | |

Situasi 1

- Encik Azman : Mengapa kamu gelisah sahaja, Aznil? Kamu ada masalah?
- Aznil : Saya bersimpati dengan Dinesh sekeluarga. Ayahnya kemalangan jalan raya yang menyebabkan kedua-dua kaki ayahnya cedera parah. Kini, ayahnya tidak dapat berjalan lagi. Ayahnya memerlukan bantuan kerusi roda untuk bergerak. Sejak ayahnya kemalangan, mereka hilang punca pendapatan. Ibu Dinesh pula (1) _____ setiap hari dengan menjual kuih dan mengambil upah menjahit baju untuk membantu ayahnya menyara keluarga.
- Encik Azman : Kamu usah susah hati tentang masalah yang dihadapi oleh Dinesh sekeluarga. Sebenarnya, Rakan Taman Seri Sentosa (2) _____ untuk membantu mereka. Rakan Taman telah (3) _____ untuk membantu keluarga Dinesh. Rakan Taman telah mengutip dana untuk membeli sebuah kerusi roda elektrik untuk ayah Dinesh. Rakan Taman juga akan membiayai sebahagian kos rawatan beliau. Penduduk Taman Seri Sentosa amat bersimpati akan nasib yang menimpa mereka sekeluarga, (4) _____.
- Aznil : Baguslah kalau begitu, ayah. Saya bangga kerana penduduk taman ini amat (5) _____ akan masalah yang dihadapi penduduk.

Situasi 2

- Encik David : Terima kasih, semua. Penduduk Taman Seri Sentosa sungguh (6) _____. Saya sangat menghargai bantuan yang diberikan ini. Kini, saya dapat bergerak dengan mudah.
- Encik Leong : Sama-sama, Encik David. Dalam hidup berjiran, kita hendaklah saling membantu, bak kata pepatah, (7) _____.
- Encik Azman : Benar kata Encik Leong itu. Sebagai jiran, kita haruslah bekerjasama (8) _____ untuk membantu penduduk yang berada dalam kesusahan.
- Encik Leong : Kami harap agar bantuan kos rawatan dan kerusi roda ini sedikit banyak dapat meringankan beban Encik David sekeluarga.